JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN

MANUAL PENGGUNA

SISTEM ANUGERAH DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT WILAYAH PERSEKUTUAN (DKBPWP)

Disediakan Oleh :
Bahagian Pengurusan Maklumat
Jabatan Wilayah Persekutuan

ISI KANDUNGAN

1.0 PENGENALAN 3

2.0 MENU SISTEM 4

2.1 Utama 4

2.2 Darjah Kebesaran 6

2.2.1 Darjah Kebesaran 6

2.2.2 Kriteria Pencalonan 7

2.3 Panduan 8

2.3.1 Pakaian Istiadat 9

2.3.2 Sampel Borang 9

2.3.3 Borang Tuntutan 10

2.4 Senarai Penerima 10

2.5 Soalan Lazim 11

2.6 Hubungi Kami 12

2.7 Manual Pengguna 13

2.8 Log Masuk 13

1.0 PENGENALAN

a. Pencalonan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan (DKBPWP) dibuat berdasarkan kelayakan individu yang dicalonkan yang bertujuan untuk menghargai dan mengiktiraf sumbangan warga Wilayah Persekutuan yang banyak berjasa membangun dan memajukan Wilayah ini dalam pelbagai bidang, termasuk mereka yang bukan bermastautin tetapi turut memberi sumbangan dan khidmat kepada Wilayah Persekutuan.

b. Sistem Anugerah DKBPWP membantu memudahcara proses pencalonan dan pemilihan DKBPWP secara atas talian dengan lebih selamat, cepat dan efisyen.

c. Pengguna utama bagi sistem ini adalah Calon daripada pelbagai kategori iaitu :
   i. Perkhidmatan Awam
   ii. Badan Berkanun
   iii. Swasta/Persatuan
   iv. Warga Asing
   v. Tentera
   vi. Polis
   vii. Ahli Politik

d. Pengguna sistem juga terdiri daripada :
   i. Focal Point di setiap Kementerian/Jabatan yang bertanggungjawab dalam menguruskan pencalonan di Kementerian/Jabatan masing-masing
   ii. Urus Setia dari Unit Darjah Kebesaran dan Fungsi Khas (DKFK), Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP)
   iii. Pentadbir Sistem di JWP

2.0 MENU SISTEM

2.1 Utama

a. Layari Sistem Anugerah DKBPWP dengan memasukkan alamat URL berikut di pelayar web : https://pingat.jwp.gov.my



b. Klik menu Utama. Pengguna dipaparkan laman utama yang mengandungi :

- Menu Utama :
    i. Utama
    ii. Darjah Kebesaran
    iii. Panduan
    iv. Senarai Penerima
    v. Soalan Lazim
    vi. Hubungi Kami
    vii. Manual Pengguna
    viii. Log Masuk
- Makluman Penting
- Gambar-gambar Istiadat
- Pengumuman
- Latar Belakang
- Maklumat Pencalonan Online
- Jumlah pelawat
- Maklumat pelayar internet yang boleh digunakan
- Alamat Jabatan

c. Paparan terbaik adalah menggunakan pelayar internet Chrome, Mozilla Firefox, Safari dan Internet Explorer 11 ke atas.



2.2 Darjah Kebesaran

Klik menu Darjah Kebesaran. Pengguna dipaparkan sub menu :

- Darjah Kebesaran
- Kriteria Pencalonan



2.2.1 Darjah Kebesaran

a. Pilih sub menu Darjah Kebesaran. Pengguna dipaparkan jenis Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan (DKBPWP).

b. Pengguna boleh klik pada setiap jenis penganugerahan untuk paparan maklumat penuh.

c. Pengguna perlu klik pada tanda di hujung kanan bahagian atas paparan untuk menamatkan paparan.

2.2.2 Kriteria Pencalonan

Pilih sub menu Kriteria Pencalonan. Pengguna dipaparkan dokumen panduan pencalonan dalam bentuk pdf.



2.3 Panduan

Klik menu Panduan, Pengguna dipaparkan sub menu :

- Pakaian Istiadat
- Sampel Borang
- Tuntutan Penerima

2.3.1 Pakaian Istiadat

Pilih sub menu Pakaian Istiadat. Pengguna dipaparkan dokumen garis panduan tatacara berpakaian untuk penerima dalam bentuk pdf.

2.3.2 Sampel Borang

Pilih sub menu Sampel Borang. Pengguna dipaparkan sampel borang dalam bentuk pdf.

2.3.3 Tuntutan Penerima

Pilih sub menu Tuntutan Penerima. Pengguna dipaparkan pekeliling, panduan tuntutan perbelanjaan hadir ke istiadat dan boleh muat turun borang tuntutan.

Pengguna perlu klik pada untuk muat turun.

2.4 Senarai Penerima

a. Klik menu Senarai Penerima. Pengguna dipaparkan menu carian penerima pingat mengikut nama, jenis kurniaan dan tahun.

b. Pengguna boleh membuat carian mengikut nama, jenis kurniaan atau/dan tahun. Setelah itu, klik butang Papar.



c. Rekod akan dipaparkan mengikut jenis carian.



2.5 Soalan Lazim

Klik menu Soalan Lazim. Pengguna dipaparkan soalan-soalan yang berkaitan dengan penganugerahan. Klik pada tanda ⌄ untuk memaparkan senarai soalan dan jawapan.

2.6 Hubungi Kami

Klik menu Hubungi Kami. Pengguna dipaparkan maklumat yang berkaitan dengan Urus Setia seperti alamat, nombor telefon, nombor faks dan emel serta peta lokasi pejabat.



2.7 Manual Pengguna

Klik menu Manual Pengguna. Manual pengguna dalam bentuk pdf akan dipaparkan.

2.8 Log Masuk

a. Klik menu Log Masuk. Pengguna dipaparkan menu log masuk bagi kategori Calon, Focal Point dan Urus Setia. Seterusnya, pilih *tab* kategori pengguna.

Pengguna dikehendaki memasukkan no kad pengenalan dan kata laluan. Klik butang Log Masuk.

i. Pengguna log masuk mengikut kategori Calon

Pengguna dipaparkan Borang Pencalonan mengikut jenis borang yang didaftarkan oleh Focal Point.

ii. Pengguna log masuk mengikut kategori Focal Point

Pengguna dipaparkan halaman Senarai Pencalonan mengikut Kementerian dan Jabatan masing-masing.



iii. Pengguna log masuk mengikut kategori Urus Setia

Pengguna dipaparkan halaman Senarai Pencalonan bagi semua Kementerian dan Jabatan.

- Halaman Senarai Pencalonan



- Halaman Dashboard Urus Setia



b. Jika pengguna memasukkan no. kad pengenalan atau kata laluan salah, mesej 'Maaf, No Kad Pengenalan Dan Katalaluan Tidak Sepadan' akan dipaparkan.



c. Permohonan pencalonan ditutup hanya bagi kategori Calon dan Focal Point. Pengguna akan dipaparkan mesej 'Maaf, Pencalonan Telah Ditutup'.

d. Pengguna klik Lupa Kata Laluan bagi mendapatkan kata laluan baharu jika terlupa kata laluan. Kata laluan baharu boleh digunakan untuk log masuk ke sistem.

e. Pengguna dipaparkan skrin Lupa Kata Laluan mengikut kategori Calon, Focal Point atau Urus Setia. Pengguna dikehendaki memasukkan No Kad Pengenalan. Klik butang Hantar.



f. Kata laluan baharu akan dihantar ke emel pengguna yang didaftarkan. Mesej 'Katalaluan Baru telah dihantar ke emel anda. Sila semak emel' akan dipaparkan.



g. Jika pengguna memasukkan no. kad pengenalan salah, mesej 'Maaf, No Kad Pengenalan Tidak Wujud' akan dipaparkan.